



**UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

IKLAN PENGISIAN JAWATAN KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

Sukacita Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) ingin mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman dalam bidang komunikasi, berfikiran strategik dan berkarisma untuk memohon jawatan Ketua UKK bagi memperkukuhkan perkhidmatan komunikasi korporat jabatan dalam menyokong kejayaan dasar pembangunan sosioekonomi negara.

Jawatan : Ketua Unit, Jawatan Terbuka Gred 54
Kumpulan : Pengurusan dan Profesional
Jadual Gaji : Minimum: RM6,072 – Maksimum: RM13,138 [Kadar Kenaikan Gaji Tahunan: RM320]
Pelawaan : Terbuka kepada penjawat awam dan warganegara Malaysia
Syarat : Syarat permohonan dan lantikan seperti di Lampiran I

Tugas dan Tanggungjawab Utama:

1. Merangka pelan strategik komunikasi bagi menyebarkan maklumat mengenai dasar dan program pembangunan sosioekonomi yang diterajui oleh EPU, JPM kepada semua segmen masyarakat termasuk orang awam, Pertubuhan Masyarakat Sivil, komuniti perniagaan dan badan korporat melalui pendekatan komunikasi bersemuka, komunikasi visual, media cetak dan elektronik.
2. Bertanggungjawab menguruskan sidang akhbar, draf kenyataan akhbar, nota-nota taklimat dan maklumat, pengurusan penerbitan, pameran, laporan tahunan dan bertindak sebagai Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian/Jabatan.
3. Merancang program publisiti untuk mempromosikan dasar, peranan, aktiviti dan khidmat Jabatan kepada semua pelanggan luar dan dalaman.
4. Memperkukuhkan penjenamaan EPU, JPM sebagai agensi peneraju dalam perancangan pembangunan sosioekonomi negara bagi meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan untuk kemakmuran bersama.
5. Merancang aktiviti bersama media bagi meningkatkan hubungan baik dengan media massa ke arah penyaluran maklumat mengenai Jabatan bagi mendapat liputan positif dan meluas.
6. Bertindak sebagai jurucakap Jabatan dalam menyampaikan maklumat berhubung dengan fakta dan situasi yang ada kaitan dengan Jabatan.
7. Bertindak sebagai "*Focal Point*" agensi dalam penyampaian dan penyaluran maklumat di peringkat kementerian, nasional dan antarabangsa.
8. Membantu pengendalian acara-acara rasmi Jabatan dari segi publisiti, sambutan dan protokol.
9. Melaksanakan penerbitan-penerbitan bercetak dan digital secara berkala (Majalah, Buku Kecil, Laporan Tahunan, Koleksi Ucapan).

10. Merancang dan menyelaras dokumentasi/ arkib bagi rekod-rekod/ imej/ keratan akhbar/ video yang berkaitan dengan Jabatan.
11. Bertindak sebagai *Content Manager* untuk portal Jabatan.
12. Menyelaras pengemaskinian maklumat di laman web seperti berita dan peristiwa, aduan serta memantau pengendalian maklumat di laman sosial Jabatan.
13. Menyelaras dan memantau pengurusan aduan, pertanyaan dan khidmat pelanggan.
14. Menilai, menyelidik dan melaksanakan strategi komunikasi secara bersepadu dan moden selaras dengan perkembangan teknologi dan persekitaran semasa.
15. Memantau dan mengurus isu berbangkit, pendapat dan maklum balas awam mengenai isu-isu semasa dan menyediakan maklum balas pantas di media cetak, media elektronik dan media sosial.

Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Lampiran A** (untuk penjawat awam) atau **Borang Lampiran B** (warganegara Malaysia) berserta *resume* dan dihantarkan ke e-mel: pengambilan@epu.gov.my. Tarikh tutup permohonan adalah pada **14 Mei 2022**. Calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temu duga.

Untuk maklumat lanjut sila layari portal www.epu.gov.my
“ **MERANCANG KE ARAH KECEMERLANGAN**”

Syarat dan Kriteria Permohonan:**A. Calon Penjawat Awam:**

1. Sedang berkhidmat di Gred 54 atau telah berkhidmat di Gred 52 secara hakiki selama 3 tahun.
2. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dengan keutamaan dalam bidang Komunikasi Massa/ Sains Kemasyarakatan.
3. Mempunyai purata markah prestasi bagi 3 tahun terkini (2019, 2020 & 2021) melebihi 90%.
4. Memiliki kualiti kepimpinan, berfikiran strategik, kreatif serta mampu menerapkan amalan komunikasi moden yang berkesan.
5. Bebas daripada sebarang pertuduhan kes tatatertib.
6. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
7. Pegawai akan dilantik secara peminjaman/pertukaran sementara mengikut Ceraian UP.1.2.1: Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara Dan Pertukaran Tetap dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM).

B. Calon Individu Warganegara Malaysia:

1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dengan keutamaan dalam bidang Komunikasi Massa/ Sains Kemasyarakatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya pada tahun 2007 dan sebelum.
2. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki Ijazah Sarjana.
3. Mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman bekerja di peringkat pengurusan dalam bidang komunikasi korporat dalam organisasi ternama atau syarikat besar tempatan.
4. Memiliki Kejujuran (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
5. Belum mencapai umur 58 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
6. Pegawai akan dilantik secara kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*) mengikut Ceraian UP.1.1.1: Dasar Dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak, MyPPSM.

Kemudahan/ Insentif:**A. Penjawat Awam:**

1. Elaun dan kemudahan mengikut kelayakan Gred 54
2. Insentif peminjaman

B. Calon Individu Warganegara Malaysia:

1. Elaun dan kemudahan mengikut kelayakan Gred 54
2. Kemudahan dan faedah pegawai kontrak (*contract of service*) mengikut Ceraian UP.1.1.8, MyPPSM

Tempoh Lantikan:

2 tahun dan boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi

Untuk Kegunaan Pejabat

Tarikh diterima:

Disemak:

Tarikh semakan:

GAMBAR PEGAWAI

BORANG PERMOHONAN CALON PENJAWAT AWAM**JAWATAN KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, GRED 54 (TERBUKA)
DI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI****MAKLUMAT PERIBADI**

Nama (seperti dalam Kad Pengenalan)	:							
No. K/P Baharu	:		Jantina	:		Agama	:	
Tempat Lahir	:		Umur	:		Bangsa	:	
Gred Jawatan Semasa	:		Tarikh Memangku/ Naik Pangkat/ KUP (mana yang berkaitan)		:			
Jawatan	:		Tarikh Lantikan Dalam Perkhidmatan Awam		:			
Unit/ Seksyen/ Bahagian	:							
Alamat Pejabat	:							
No. Telefon Pejabat	:		No. Faks	:				
E-mel Pejabat	:		E-mel Peribadi	:				
Status Perkahwinan	:							
Nama Suami/Isteri	:							
Pekerjaan Suami/Isteri	:		No. Telefon Suami/Isteri	:				

MARKAH LNPT TERKINI

2021	:	
2020	:	
2019	:	

KELAYAKAN AKADEMIK TERTINGGI*Peringkat Ijazah, bidang pengajian & Universiti*

Nota: Sila sertakan *resume*, salinan kad pengenalan dan salinan kelayakan akademik bersama borang ini

PENGALAMAN BEKERJA	
Tahun:	Jabatan/Agensi/Organisasi

PENGAKUAN PEGAWAI

Saya mengesahkan bahawa maklumat dan kenyataan yang diberikan dalam borang permohonan ini adalah benar, tepat dan terkini. Saya juga memahami bahawa sekiranya permohonan ini tidak lengkap atau terdapat maklumat palsu dan tidak benar, maka urusan ini akan terbatal.

Tandatangan _____

Nama :

Tarikh :

PERAKUAN KETUA JABATAN

(DISOKONG / TIDAK DISOKONG)

**ULASAN KETUA JABATAN
(KETUA JABATAN/SETIAUSAHA BAHAGIAN/
PENGARAH PEJABAT / PENGARAH UNIT)**

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

E-mel :

No. Telefon :

Untuk Kegunaan Pejabat

Tarikh diterima:

Disemak:

Tarikh semakan:

GAMBAR PEGAWAI

BORANG PERMOHONAN CALON WARGANEGARA MALAYSIA**JAWATAN KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, GRED 54 (TERBUKA)
DI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI****MAKLUMAT PERIBADI**

Nama (seperti dalam Kad Pengenalan)	:							
No. K/P Baharu	:		Jantina	:		Agama	:	
Tempat Lahir	:		Umur	:		Bangsa	:	
Pekerjaan Semasa	:							
Majikan	:							
Alamat Pejabat	:							
No. Telefon Pejabat	:		No. Faks	:				
E-mel Pejabat	:		E-mel Peribadi	:				
Status Perkahwinan	:							
Nama Suami/Isteri	:							
Pekerjaan Suami/Isteri	:		No. Telefon Suami/Isteri	:				

KELAYAKAN AKADEMIK TERTINGGI*Peringkat Ijazah, bidang pengajian & Universiti*

KEPUTUSAN SUBJEK BAHASA MELAYU*Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf*

Tahun Peperiksaan:	Keputusan:
--------------------	------------

PENGALAMAN BEKERJA

Tahun:	Jabatan/Agensi/Organisasi

PENGAKUAN PEGAWAI

Saya mengesahkan bahawa maklumat dan kenyataan yang diberikan dalam borang permohonan ini adalah benar, tepat dan terkini. Saya juga memahami bahawa sekiranya permohonan ini tidak lengkap atau terdapat maklumat palsu dan tidak benar, maka urusan ini akan terbatal.

Tandatangan _____

Nama :

Tarikh :

Nota: Sila sertakan *resume*, salinan kad pengenalan, salinan kelayakan akademik dan salinan keputusan subjek Bahasa Melayu bersama borang ini